

Mesej Sepuluh

**Prinsip-prinsip Mengawal yang Perlu Kita Lihat dan Alami  
untuk Memperoleh Kristus yang Merupakan Tanah Permai**

Bacaan Bible: Kol. 2:6; 1 Kor. 6:17; 12:12-13; Kis. 9:3-5; Kel. 13:21-22; Kol. 4:2

- I. **“Oleh itu, memandangkan kamu telah menerima Kristus, iaitu Yesus Tuan itu, bergerak-hiduplah dalam-Nya”—Kol. 2:6:**
  - A. Memandangkan kita telah menerima Kristus, maka kita harus bergerak-hidup dalam-Nya; bergerak-hidup dalam-Nya bererti hidup, bertindak, bertingkah laku, dan membawa diri dalam Kristus agar kita dapat menikmati kekayaan-Nya, sama seperti bani Israel tinggal di tanah permai, menikmati segala hasil yang kaya daripada tanah itu.
  - B. Tanah permai sekarang ialah Kristus sebagai Roh almuhit (Gal. 3:14) yang huni dalam roh kita (2 Tim. 4:22; Roma 8:16) untuk menjadi kenikmatan kita.
  - C. Bergerak-hidup menurut roh dan melalui Roh itu (ay. 4; Gal. 5:16) ialah perkara utama dan penting dalam Wasiat Baru.
- II. **Untuk bergerak-hidup dalam Kristus, iaitu bergerak-hidup menurut roh dan melalui Roh itu yang merupakan realiti tanah permai, kita harus melihat bahawa kunci bagi persekutuan rohani antara percayawan tripartit yang dilahirkan dengan Tuhan Tritunggal yang terkonsumsi ialah 1 Korintus 6:17—“Dia yang digabungkan kepada Tuan ialah satu roh”:**
  - A. Kita menyembah Tuhan Roh dengan roh kita—Yoh. 4:24.
  - B. Kita dilahirkan daripada Tuhan yang merupakan Roh untuk menjadi suatu roh—3:6.
  - C. Roh itu bersaksi bersama dengan roh kita bahawa kita ialah anak-anak Tuhan—Roma 8:16.
  - D. Kita menjadi tempat huni Tuhan dalam roh kita, dan Roh itu ialah Penghuni—Ef. 2:22.
  - E. Tuan Yesus sebagai Kristus pneumatik dan sebagai Roh beri-hayat berada dalam roh kita—2 Tim. 4:22; Roma 8:10.
  - F. Jika Roh kepada Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati huni dalam kita, maka Dia yang membangkitkan Kristus daripada yang mati juga akan memberi hayat kepada tubuh kita yang akan mati menerusi Roh-Nya yang menghuni kita secara dalaman—ay. 11.
  - G. Jika melalui Roh itu kita mematikan amalan-amalan tubuh, kita akan hidup—ay. 13b.
  - H. Kita meletakkan minda kita pada roh untuk hayat dan damai sejahtera—ay. 6.
  - I. Orang yang kepunyaan Kristus Yesus telah menyalibkan tubuh daging bersama dengan keberahiannya dan nafsunya (melalui Roh itu)—Gal. 5:24.
  - J. Apabila kita bergerak-hidup melalui Roh, kita pasti tidak akan memuaskan nafsu tubuh daging—ay. 16.
  - K. Jika kita hidup melalui Roh, haruslah kita juga bergerak-hidup melalui Roh—ay. 25.
  - L. Kita bergerak-hidup (berperilaku) dalam dan menurut roh (roh pembauran) untuk menggenapi keadilanbenaran hukum—Roma 8:4.
  - M. Melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus, kita berhidupkan Kristus dan memperbesar-Nya—Flp. 1:19b-21a.
  - N. Kita berdoa pada setiap masa dalam roh—Ef. 6:18.
  - O. Kita dikuduskan dalam Roh itu—Roma 15:16.

Mesej Sepuluh (sambungan)

- P. Kita diperbarui Roh itu dalam roh kita—Tit. 3:5; Ef. 4:23.
- Q. Kita ditransform oleh Tuan Roh menjadi imej Kristus yang mulia—2 Kor. 3:18.
- R. Roh itu sebagai Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dan pengantin perempuan sebagai manusia tripartit yang ditransform akhirnya menjadi satu pasangan rohani, pembauran kedivinan dengan keinsanan (Wahi 22:17a), untuk menjadi Yerusalem Baru yang terkonsumasi demi pembesaran dan ekspresi abadi-Nya dengan kemuliaan divin termanifestasi dalam keinsanan yang dimuliakan (21:10-11).

**III. Kita perlu melihat bahawa Dia yang dalam-Nya kita perlu bergerak-hidup ialah Kristus dalam ministri penuh-Nya yang mempunyai tiga tahap:**

- A. Wahi utama tentang Tuhan ialah pewahian yang progresif tentang Tuhan dalam Bible—Tuhan yang “bujang”, Tuhan yang berinkarnasi, Tuhan yang menebus, Tuhan yang disebatikan, Tuhan yang diperhebat, Tuhan yang huni secara dalaman, dan Tuhan yang berinkorporasi; Tuhan yang berinkorporasi ialah Tubuh-Kristus yang akhirnya berkonsumasi sebagai Tuhan yang “berkahwin”, yakni Tuhan yang diinkorporasikan secara muktamad, Yerusalem Baru.
- B. Pemulihan Tuan ialah pemulihan Kristus dalam ministri penuh-Nya yang mempunyai tiga tahap—inkarnasi, inklusi, dan intensifikasi; pemulihan Tuan ialah Tuhan menjadi tubuh daging, tubuh daging menjadi Roh beri-hayat, dan Roh beri-hayat menjadi Roh yang diperhebat tujuh kali ganda untuk membina gereja yang menjadi Tubuh Kristus dan yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru:
  1. *Tuhan* menjadi tubuh daging ialah Tuhan yang “bujang” menjadi Tuhan yang berinkarnasi dan Tuhan yang menebus—Yoh. 1:1, 14, 29.
  2. *Tubuh daging menjadi Roh beri-hayat, dan Roh beri-hayat menjadi Roh yang diperhebat tujuh kali ganda* ialah Tuhan yang disebatikan menjadi Tuhan yang diperhebat untuk menjadi Tuhan yang huni secara dalaman—1 Kor. 15:45b; Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6.
  3. *Gereja yang terbina yang menjadi Tubuh Kristus dan yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru* ialah Tuhan yang berinkorporasi, Tubuh-Kristus, yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru, yakni penyatuan, pembauran, dan inkorporasi muktamad bagi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi dengan gereja tripartit yang terproses dan terkonsumasi—Yoh. 17:21; Ef. 4:4-6, 16; Kol. 2:19; Wahi 19:7-9; 21:2, 9-10.

**IV. Pemulihan Tuan yang terkini ialah pemulihan Tubuh-Kristus (“Kristus itu”) dalam kehidupan gereja; Tubuh-Kristus ialah Tuhan yang berinkorporasi; oleh itu, bergerak-hidup dalam Kristus bererti bergerak-hidup dalam Dia yang merupakan Tubuh-Kristus, iaitu Tuhan yang berinkorporasi—1 Kor. 12:12-13; Kis. 9:4-5, 15; Kol. 2:19; Ef. 4:1-6, 15-16; Yoh. 14:23; 17:21:**

- A. Satu Korintus 12:12 berkata, “Sebagaimana tubuh adalah satu dan mempunyai banyak anggota, namun semua anggota tubuh itu, walaupun banyak, ialah satu tubuh, begitu juga dengan Kristus itu”; “Kristus itu” dalam ayat ini bukan Kristus individu tetapi Kristus korporat, yakni Kristus yang berinkorporasi dengan semua anggota-Nya.
- B. Inilah “Aku” korporat yang dilihat dutus Paulus dalam pengalaman yang menumpaskannya ketika Dia percaya kepada Kristus; dia melihat bahawa Tuan Yesus dan percayawan-Nya ialah satu persona agung—“Aku” yang ajaib—Kis. 9:3-5.

Mesej Sepuluh (sambungan)

- C. Kita perlu melihat bahawa Kristus yang dalam-Nya kita perlu bergerak-hidup hari ini bukan hanya Kristus individu tetapi juga “Aku” yang ajaib, Tubuh-Kristus, yang merupakan Tuhan yang berinkorporasi.
  - D. Menerima dan bergerak-hidup dalam Kristus bererti menerima Tubuh-Kristus dan bergerak-hidup dalam Tubuh-Kristus, kerana Kristus hari ini ialah Tubuh korporat; Kristus bukan lagi Kristus individu semata-mata tetapi juga Kristus korporat, Kepala bersama dengan Tubuh; jika kita bergerak-hidup dalam Kristus korporat, kehidupan Kristian kita akan sangat berbeza.
  - E. Pemulihan Tuan ialah pemulihan “Pengkristusan”, iaitu pemulihan persona Kristus secara murni dan penuh untuk memperoleh realiti Tubuh-Kristus dalam kehidupan gereja—1 Tes. 5:23; Flp. 1:19-21a; 3:8-14; 2 Kor. 2:10; Kol. 3:10-11.
  - F. Hari ini Tuan sedang membina Tubuh-Kristus dalam kehidupan gereja; dalam Tubuh-Kristus, Kristus digarapkan ke dalam semua anggota-Nya, dan semua anggota-Nya digarapkan ke dalam-Nya melalui pertumbuhan dalam hayat dan transformasi dalam hayat demi ekspresi Kristus—2:19; Roma 12:2; 2 Kor. 3:18; 1 Kor. 12:12-13:
    - 1. Dalam Tubuh-Kristus, kita menikmati Kristus sebagai segala-galanya—ay. 3b, 13.
    - 2. Dalam Tubuh-Kristus, terdapat fungsi semua anggota—ay. 14-22.
    - 3. Dalam Tubuh-Kristus, terdapat pembauran anggota bersama-sama dalam kesatuan Tuhan Tritunggal—ay. 23-27; Yoh. 17:21; Ef. 4:1-6.
- V. Untuk memperoleh dan bergerak-hidup dalam Kristus almuhit yang merupakan realiti tanah permai, kita perlu melihat bahawa hadirat Tuan merupakan segala-galanya bagi kita dalam kehidupan kita dalam Tuan dan juga kerja kita dalam Tuan; dalam Keluaran 33:12-17 Musa berunding dengan Tuhan agar hadirat-Nya akan pergi bersama dengannya dan dengan umat Tuhan; Tuhan menyahut dengan bersabda, “Hadirat-Ku akan pergi bersama dengan engkau, dan Aku akan memberi engkau rehat”—ay. 14:**
- A. Tuan hidup dalam kita, dan Dia akan pergi ke mana sahaja kita pergi, tetapi adakah hadirat-Nya akan pergi bersama dengan kita? Banyak kali Tuan mungkin membantu kita, tetapi Dia mungkin tidak gembira dengan kita; kita perlu dikawal oleh hadirat Tuan yang secara langsung dan terus.
  - B. Hadirat Tuan, senyuman Tuan, merupakan prinsip yang mengawal bagi kita masuk ke dalam dan memperoleh Kristus sebagai realiti tanah permai; hadirat Tuhan ialah jalan, “peta”, yang menunjukkan umat-Nya jalan yang harus diambil mereka.
  - C. Menurut gambaran dalam buku Keluaran, hadirat Tuan pergi di hadapan mereka “pada waktu siang dalam tiang awan untuk memimpin mereka dalam perjalanan, dan pada waktu malam dalam tiang api untuk memberi mereka cahaya, supaya mereka dapat berjalan pada waktu siang dan pada waktu malam. Baik tiang awan pada waktu siang mahupun tiang api pada waktu malam, kedua-duanya tidak beredar dari hadapan umat itu”—13:21-22:
    - 1. Dari segi tipologi, awan menandakan Roh itu (1 Kor. 10:1-2), dan api, untuk pencahayaan, menandakan Sabda Tuhan (Mzm. 119:105; Yer. 23:29); oleh itu, pimpinan yang semasa dan hidup daripada hadirat Tuhan datang menerusi Roh itu atau Sabda.
    - 2. Dua tiang itu merupakan simbol Tuhan sendiri kerana Dialah Roh itu dan Sabda (Yoh. 4:24; 1:1); tambahan pula, Sabda juga ialah Roh itu (6:63; Ef. 6:17).

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Sepuluh (sambungan)

3. Oleh itu, Tuhan, Sabda, dan Roh itu adalah satu untuk memimpin dan membimbing kita secara berterusan, baik pada waktu siang mahupun pada waktu malam; dalam kehidupan orang Kristian, siang dan malam tidak ada perbezaan kerana cahaya daripada tiang api menyebabkan malam menjadi siang.
  - D. Buku Keluaran juga menunjuk kepada kita bahawa Kristus sebagai Malaikat Tuhan ialah Dia yang memimpin umat; apabila Malaikat Tuhan bergerak, tiang bergerak juga, menunjukkan Malaikat dan tiang adalah satu; Kristus dan Roh yang memimpin tidak dapat dipisahkan (14:19; Yoh. 14:17-20; 16:13; 2 Kor. 3:17; Wahi 5:6); tambahan pula, setiap kali orang yang mengikut Tuan menghadapi penentangan, cahaya yang membimbing itu secara spontan menjadi cahaya pelindung; namun begitu, kepada penentang, cahaya pelindung itu menjadi kegelapan (Kel. 14:20).
- VI. Untuk memperoleh dan bergerak-hidup dalam Kristus almuhit yang merupakan realiti tanah permai, kita perlu hidup dan melayan dalam realiti kehentaran, dengan mempunyai doa yang banyak dan menyeluruh dalam hayat dan pelayanan kita—1 Ptr. 2:5, 9; Kol. 4:2:**
- A. Sama ada gereja adalah hidup dan segar dan diperkaya, bergantung pada satu perkara ini—kita dipenuhi Roh itu secara berterusan; untuk dipenuhi Roh itu secara berterusan, kita perlu menjadi orang yang rela hati, mengosongkan diri, dan berdoa—ay. 2; Flp. 2:13; Mat. 5:3, 8; Luk. 1:53; Ef. 5:18.
  - B. Kearifan, pemahaman, pengetahuan, dan kemahiran untuk kerja luhur pembinaan gereja haruslah Tuhan sendiri sebagai Roh itu kepada kita; hanya Roh Tuhan yang dapat membina tempat huni-Nya sendiri menerusi kita—Kel. 31:1-3; Za. 4:6.
  - C. Jika semua pekudus dalam semua gereja teguh berterusan dalam doa, pemulihan akan sangat diperkaya dan dipertingkatkan; tambahan pula, pekudus akan menikmati Tuan, hadirat-Nya, dan pengurapan-Nya yang semasa dan sepanjang masa; sepanjang hari mereka akan menikmati senyuman wajah Tuan, dan persona Kristus yang hidup akan menjadi pengalaman dan kenikmatan mereka.